

15 FEB 1996

PM RAYU RAKYAT PANDU BERHATI-HATI SEMASA BALIK KAMPUNG

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merayu rakyat yang pulang ke kampung dengan kenderaan untuk merayakan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri supaya memandu berhati-hati bagi mengelakkan kemalangan di jalan raya.

Perdana Menteri berkata, mereka mungkin tiba lewat sedikit kerana memandu perlahan-lahan dan cermat itu tetapi kelewatan itu lebih baik daripada menemui maut di tengah jalan.

"Tolonglah kalau boleh janganlah bawa kereta terlampau laju sehingga tak ambil kira pengguna yang lain," katanya ketika ditanya pemberita di Angkasapuri selepas merakamkan ucapan Hari Raya Aidilfitri melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Katanya, kemalangan jalan raya di negara ini boleh dikatakan semata-mata berpunca daripada sikap pemandu sendiri, bukan kerana jalan atau kenderaan tidak baik.

Menurut beliau, sikap pemandu yang terlalu gopoh akhirnya menyebabkan mereka tidak sampai ke destinasi, menyebabkan keluarga yang menanti bersedih akibat kematian atau kecederaan teruk orang yang mereka tunggu.

"Kali ini kita meminta pihak berkuasa polis mengiringi penunggang motosikal supaya mereka tidak menempuh kemalangan di jalan raya," katanya.

-- BERNAMA

AH NMO